

UMSKAL anjur Persidangan Maritim Antarabangsa, perkara ilmu kelautan

NST 24.10.2014 7

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menganjurkan Persidangan Maritim Antarabangsa Kali Pertama bagi meneruskan usaha ke arah memperkasakan ilmu kelautan untuk manfaat masyarakat dan negara amnya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata ilmu kelautan bukan sahaja berhubung kait dengan penguasaan kelautan malah termasuklah pengurusan maritim tidak kira di permukaan, dasar dan persisiran pantai dan apa sahaja yang berkait dengannya.

Katanya, ia adalah satu bidang ilmu yang tidak akan pernah habis untuk digali dan diku-pas.

Beliau yang juga pengerusi penganjur berkata kita tidak dapat menafikan bahawa bidang maritim memainkan peranan yang besar dalam pertumbuhan ekonomi negara sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

"Tanpa dunia maritim, negara kita akan kekal terasing dari dunia luar sama ada dari segi perdagangan mahupun perhubungan antarabangsa. Sejarah telah membuktikan perkembangan Kesultanan Melayu Melaka hanya mampu dijayakan melalui perdagangan dan penguasaan laut telah meletakkannya sebagai pusat perdagangan utama di nusantara di waktu tersebut sehingga dikenali sebagai 'Venice Asia'," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr



CENDERA MATA... Dr Ismail (tengah) menerima cendera mata daripada DR Murnizam diperhatikan Abdul Rashid (kanan).

Mohd Harun Abdullah merasmikan Persidangan Maritim Antarabangsa UMS 2014 di Dewan Kuliah Pusat UMS Kampus Antarabangsa Labuan, pada Isnin.

Pada majlis itu, Pengarah Operasi ESS-COM, Komander DCP, Abdul Rashid Harun menjadi tetamu untuk menyampaikan ucapan pada persidangan yang pertama kali diadakan itu.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof

Madya Dr. Murnizam Hj. Halik, Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Ismail berkata perdagangan laut masih kekal sebagai kaedah pengangkutan barangan eksport dan import negara yang utama sehingga kini. Selain itu, sektor perikanan juga merupakan

salah satu kegiatan ekonomi negara yang utama. Industri minyak dan gas yang mana sumbernya diperolehi dari kegiatan penggerudian di luar pesisir pantai negara merupakan salah satu eksport utama negara.

Pada masa yang sama, katanya, minat para pelancong untuk menikmati suasana laut dan percutian di atas kapal mewah telah menggalakkan perkembangan sektor pelancongan marin.

"Jelas di sini bahawa lautan dan industri berkenaan penting kepada negara dalam mengejar aspirasi Wawasan 2020 namun impian ini hanya mampu dicapai sekiranya perairan negara berada dalam keadaan yang terkawal dan teratur dari sebarang ancaman atau unsur yang mampu menjejaskan keharmonian perairan negara," katanya.

Oleh itu, dengan tema "Uplifting Marine Agenda for Togetherness in Harmony", adalah menjadi harapan saya dan jawatankuasa penganjur agar pembentang kertas kerja dan peserta dapat bertukar fikiran dan membahaskan idea tentang dunia maritim.

Di samping meningkatkan ilmu dan pengetahuan yang ada berkaitan dengan bidang maritim, penganjur Seminar Kelautan memberi peluang kepada peserta untuk bertukar fikiran dan pendapat berkenaan isu semasa, hasil penyelidikan di samping menghayati sejarah bangsa kita yang pernah menguasai dan menakluki pelbagai samudera utama dunia pada suatu masa dahulu. -OLEH JAINUDIN DJIMIN